



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### 146,486 LAPORAN PEMANTAUAN KUALITI AIR MINUM

---

**PETALING JAYA, 16 Februari 2022** – Sepanjang tahun 2021 (bermula 4 Januari hingga 31 Disember 2021), 146,486 laporan bagi pemantauan Program Pengawasan Kawalan Mutu Air Minuman Kebangsaan (KMAM) telah dibekalkan oleh Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA Malaysia) kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pecahan laporan yang dikeluarkan mengikut negeri/cawangan KIMIA Malaysia adalah seperti berikut:

<b>Negeri / Cawangan</b>	<b>Bilangan laporan yang dikeluarkan</b>
Petaling Jaya (Ibu Pejabat)	34101
Johor	22282
Perak	15702
Kuching	10782
Sibu	9740
Pahang	9714
Kelantan	8680
Sabah	7284
Pulau Pinang	7037
Melaka	6877
Kedah	6091
Terengganu	4990
Bintulu	3206

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Dato' Sri Dr. Adham Baba, "Laporan yang dikeluarkan merangkumi analisis air mikrobiologi dan analisis air kimia di mana keputusan analisis perlu bagi memastikan air minuman yang dibekalkan kepada rakyat adalah selamat dan bebas dari penyakit bawaan air yang boleh

membahayakan kesihatan serta memastikan kandungan bakteria dan kimia mematuhi piawaian yang telah ditetapkan.”

Laporan yang dikeluarkan adalah penting untuk kerajaan khususnya KKM dalam usaha meningkatkan taraf kesihatan orang ramai selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu membekalkan air yang bersih, selamat serta berkualiti kepada pengguna.

Untuk makluman, Inspektor Kesihatan dari KKM akan membuat persampelan mengikut prosedur yang telah ditetapkan di loji Syarikat Pembekal Air di seluruh negara mengikut jadual persampelan. Laporan ini turut dimanfaatkan oleh beberapa Syarikat Pembekal Air seperti Pengurusan Air Selangor, Syarikat Air Negeri Sembilan, Syarikat Air Kelantan dan lain-lain.

Kerja-kerja analisa bagi kes pemantauan ini tetap diteruskan oleh KIMIA Malaysia sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 tahun lalu, memandangkan analisa ini merupakan perkhidmatan perlu (*essential service*) jabatan demi menjamin kesejahteraan dan kelangsungan hidup Keluarga Malaysia.

**[TAMAT]**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

16 Februari 2021